

DATE: 15/12/2009

## Kikis tanggapan guna bahasa Inggeris tidak patriotik - Dr. Mahathir

UM-15/12/2009

SHAH ALAM 14 Dis. - Tun Dr. Mahathir Mohamad mahu semua kaum di negara ini khususnya orang Melayu mengikis tanggapan bahawa penguasaan serta penggunaan bahasa Inggeris adalah amalan yang tidak patriotik terhadap bangsa sendiri.

Bekas Perdana Menteri berkata, tanggapan itu tidak sepatutnya wujud memandangkan bahasa tersebut amat penting dalam konteks perkembangan semasa.

Katanya, bahasa Inggeris merupakan bahasa universal khususnya dalam penguasaan ilmu pengetahuan yang membolehkan sesebuah kaum itu berkembang maju.

"Kalau ada pihak hendak tukar bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu (pembelajaran di sekolah), ini bermakna mereka yang berkenaan tidak faham bahasa ilmu.

"Bahasa Inggeris adalah bahasa semua orang, ia hampir kepada bahasa universal, kita tidak perlu jadi orang Inggeris untuk bercakap bahasa itu. Saya sendiri bukan orang Inggeris tetapi saya bercakap dalam bahasa itu.

"Kalau kita ini patriotik, nak jadi kaum yang hebat, tak semestinya kita kena bercakap dalam bahasa kita sendiri. Akan tetapi, yang penting adalah ilmu dan itulah yang menjadikan kita ini bangsa yang agung," jelas beliau.

Dr. Mahathir berkata demikian selepas menyampaikan syarahan pada Persidangan Sedunia Akademik dan Saintis Islam (IAS) Ke-17 yang dirasmikan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Persidangan yang dikendalikan

oleh Universiti Selangor (Unisel) dengan kerjasama *International Islamic Academy for Life Sciences and Biotechnology* (IIALSB) itu disertai lebih 300 saintis dengan 105 daripadanya ahli IAS yang meliputi 35 buah negara Islam di seluruh dunia.

Tambah Dr. Mahathir, dalam memartabatkan ilmu, kepimpinan yang ada mesti memahami kepentingan penguasaan ilmu kerana ia merupakan kunci untuk membawa sesebuah masyarakat serta negara ke hadapan.

Jelas beliau, kegagalan seseorang pemimpin itu memahami kepentingan penguasaan ilmu pengetahuan akan menyebabkan bangsa dan negara ketinggalan dalam pembangunan.

"Selain itu, negara juga terdedah kepada penjajahan serta ditekan oleh pihak-pihak tertentu," katanya.



SULTAN Sharafuddin Idris Shah, Dr. Mahathir Mohamad dan Presiden IAS, Prof. Abdel Salam Majali di Shah Alam, Selangor, semalam. - BERNAMA